

PERNYATAAN POLISI PENCEGAHAN SOGOKAN DAN PENCEGAHAN RASUAH KUMPULAN PNB



PNB
Permodalan Nasional Berhad

Versi: 3/2022

JADUAL KANDUNGAN

1. PENGENALAN	1
2. PENGGUNAAN	1
3. KEGAGALAN MEMATUHI PERNYATAAN POLISI ABC KUMPULAN PNB	2
4. KOMITMEN KAMI	2
5. PENAFIAN DAN SEMAKAN PERNYATAAN POLISI ABC KUMPULAN PNB	3

PENGENALAN

1. Pengenalan

- 1.1 Permodalan Nasional Berhad (No. Syarikat 197801001190 (38218-X) ("PNB") dan syarikat-syarikat kumpulannya (secara kolektif, "Kumpulan PNB") komited untuk menerapkan piawai integriti dan tingkah laku beretika tertinggi dalam semua aktiviti perniagaan dan operasi kami. Membanteras rasuah adalah tanggungjawab setiap individu dalam organisasi ini dan menetapkan piawai untuk pencegahan sogokan dan pencegahan rasuah adalah sebahagian daripada tanggungjawab Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan kakitangan Kumpulan PNB.
- 1.2 Kumpulan PNB menerapkan **Persekitaran Perniagaan Bebas Sogokan/Rasuah** daripada pelbagai aktiviti sogokan dan rasuah, dan mengambil sikap tegas terhadap perbuatan sebegini.
- 1.3 Oleh itu, adalah penting bagi Kumpulan PNB untuk mematuhi dan menjalankan perniagaannya mengikut keperluan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai termasuklah polisi dan prosedur dalaman yang berkaitan.

PENGGUNAAN

2. Penggunaan

- 2.1 Pernyataan Polisi Pencegahan Sogokan and Pencegahan Rasuah Kumpulan PNB ("Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB") ini perlu dibaca bersama dengan Piagam dan Rangka Kerja Integriti Kumpulan PNB, Kod Etika Perniagaan Kumpulan PNB, Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan PNB, Buku Panduan Kakitangan PNB, serta semua polisi dan prosedur dalaman yang berkaitan dengan Kumpulan PNB.
- 2.2 Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini terpakai kepada Lembaga Pengarah dan ahli-ahli jawatankuasa Lembaga Pengarah (secara kolektif, "Lembaga Pengarah"), pengurusan kanan, kakitangan Kumpulan PNB, sama ada berjawatan tetap atau sementara, pihak-pihak berkepentingan Kumpulan PNB, serta rakan perniagaan (secara kolektif, "Wakil"). Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini tidak bertujuan menyediakan jawapan yang muktamad kepada semua pertanyaan mengenai sogokan dan rasuah, tetapi sebaliknya untuk menyediakan pengenalan asas tentang tatacara Kumpulan PNB memerangi sogokan dan rasuah dalam meneruskan komitmen Kumpulan PNB terhadap tingkah laku yang berlandaskan undang-undang dan beretika pada setiap masa.
- 2.3 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik antara terma-terma Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini dan undang-undang sedia ada, undang-undang sedia ada tersebut akan diguna pakai. Sekiranya anda menganggap bahawa peruntukan dalam Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini bercanggah dengan undang-undang dalam bidang kuasa tempatan di mana perniagaan anda beroperasi, anda perlu berunding dengan Ketua Jabatan/Bahagian, Bahagian Modal Insan atau Jabatan Integriti PNB.
- 2.4 Kumpulan PNB akan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM 2009") dan semua undang-undang terpakai yang berkaitan untuk membanteras aktiviti sogokan dan rasuah dalam semua bidang kuasa di mana Kumpulan PNB beroperasi atau menjalankan perniagaannya. Ini termasuk, dan tidak terhad kepada, negara-negara di mana Kumpulan PNB mempunyai pejabat. Tambahan lagi, sebagai sebuah institusi berlesen di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), PNB akan mematuhi peruntukan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA"), garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh SC dan semua undang-undang di mana Kumpulan PNB beroperasi atau menjalankan perniagaannya.
- 2.5 Sebagai peringatan penting, sekiranya perlakuan rasuah berlaku di negara yang tidak mempunyai undang-undang pencegahan rasuah, Akta SPRM 2009 dan undang-undang negara lain di mana Kumpulan PNB beroperasi atau menjalankan perniagaannya mungkin akan digunapakai. Sogokan dan rasuah (atau sebarang persepsi atau tuduhan mengenainya):
 - (i) akan merosakkan reputasi Kumpulan PNB; dan/atau
 - (ii) boleh menyebabkan Kumpulan PNB menanggung kos yang sangat tinggi sama ada dari segi kemungkinan pembayaran denda dan masa yang lama diambil untuk menangani isu-isu tersebut, serta boleh membawa kepada hukuman serius ke atas individu Kumpulan PNB termasuk penjara dan denda, serta pembatalan lesen dan permit operasi penting.

KEGAGALAN MEMATUHI PERNYATAAN POLISI ABC KUMPULAN PNB

3. Kegagalan Mematuhi Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB

3.1 Penglibatan dalam amalan sogokan atau rasuah boleh menyebabkan kesan buruk kepada anda dan Kumpulan PNB. Anda boleh dipecat, didenda dan dipenjarakan, dan Kumpulan PNB mungkin mendapat reputasi buruk, kerugian kewangan dan dihalang daripada menjalankan perniagaan serta akibat negatif yang lain. Rakan-rakan perniagaan pula mungkin menghadapi proses penamatan, penghentian, penangguhan, atau penarikan dari sebarang hubungan perniagaan.



KOMITMEN KAMI

4. Komitmen Kami

4.1 Kumpulan PNB komited untuk:

- (i) menegakkan undang-undang pencegahan rasuah dan undang-undang sekuriti yang terpakai untuk Kumpulan PNB, termasuk tanpa batasan, Akta SPRM 2009 dan juga CMSA;
- (ii) tidak menawarkan sogokan atau membiarkan penawaran sogokan bagi pihak Kumpulan PNB;
- (iii) tidak menerima sogokan, atau bersetuju untuk menerima sogokan, bagi pihak Kumpulan PNB;
- (iv) menyimpan buku dan rekod yang tepat untuk semua urusan perniagaan;
- (v) memastikan bahawa Wakil Kumpulan PNB mengetahui dan mematuhi nilai dan polisi Kumpulan PNB;
- (vi) mematuhi syarat peraturan termasuk memenuhi sistem piawaian mengenai Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan ("ABMS"), dan polisi serta prosedur dalaman berkenaan dengan sogokan dan rasuah;
- (vii) mengelak daripada menjalankan perniagaan secara usahasama atau mengaitkan Kumpulan PNB dengan pihak lain yang tidak menerima nilai dan polisi Kumpulan PNB, serta pihak lain yang boleh merosakkan reputasi Kumpulan PNB;
- (viii) melaksanakan pemantauan dan pematuhan pengauditan berterusan dengan prinsip-prinsip ini;
- (ix) menggalakkan lebih ramai individu untuk membuat laporan melalui saluran pemberian maklumat yang telah ditetapkan selari dengan Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan PNB;
- (x) melaksanakan penambahbaikan secara berterusan terhadap polisi dan prosedur dalaman yang berkaitan dengan masalah rasuah, termasuk penguatkuasaan ABMS; dan
- (xi) mewujudkan dan mengekalkan kuasa dan kebebasan fungsi pematuhan anti-rasuah di dalam organisasi yang bebas daripada unit perniagaan lain, di mana fungsi ini perlu membuat pelaporan terus kepada Lembaga Pengarah.

PENAFIAN DAN SEMAKAN PERNYATAAN POLISI ABC KUMPULAN PNB

5. Penafian dan Semakan Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB

- 5.1 Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini akan disemak setiap tiga tahun dan/atau dikemas kini apabila terdapat sebarang perubahan atau pengubahsuaian penting yang diperlukan untuk memastikan ianya kekal relevan dan berkesan serta mematuhi keperluan semua undang-undang yang terpakai. Sebarang pelencongan atau penafian daripada Pernyataan Polisi ABC Kumpulan PNB ini perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, atau Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah Kumpulan PNB.